

Bengkel Penulisan dan Penyediaan Modul Pengajaran Tarik Minat Pensyarah Menulis



Kuantan, 24 Ogos- Seramai 30 pensyarah dari pelbagai fakulti di Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai bengkel penulisan dan penyediaan modul pengajaran anjuran Penerbit universiti minggu lalu. Bengkel yang diadakan di Auditorium Perpustakaan, di sini, pada Jumaat lalu, memberi pendedahan kepada pensyarah tentang teknik penulisan serta proses penerbitan mengikut gaya Penerbit UMP.

Pengarahnya, Profesor Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, bengkel itu juga adalah usaha Penerbit untuk mengeluarkan lebih banyak modul pengajaran bagi sesi tahun ini dan depan.

"Menerusi bengkel ini, kita dapat menyalurkan pengetahuan tentang cara penulisan modul yang lebih berkesan untuk disampaikan kepada pelajar dengan menggunakan kaedah Format Ghani.

"Di samping itu, kita juga turut menerangkan proses penerbitan mengikut piawaian Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) supaya buku dan modul yang dikeluarkan berjaya memenangi pertandingan yang dianjurkan badan terbabit," katanya.



Sementara itu, Guru Bahasa Jepun, Mohd Iszuani Mohd Hassan dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) berkata, penganjuran bengkel seumpama ini merupakan langkah yang baik berikutan dapat menyebarkan maklumat secara sama rata kepada semua pensyarah di fakulti. Katanya, bengkel ini banyak membantu beliau dalam merancang penerbitan modul Bahasa Jepun pada tahun depan.

Berita dan gambar disediakan oleh Shalfarina Shahrman dari Penerbit UMP.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 24-08-2015, 17:01:11